

Mengkomersialkan lagi kajian R&D IPT ke pasaran

Penyelidik di institusi penyelidikan awam (UA) termasuk universiti mempunyai keupayaan untuk menghasil dan mencipta produk inovasi bermutu tinggi. Awal tahun ini, misalnya, selepas menjalankan penyelidikan selama lima tahun, sekumpulan pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menghasilkan spaghetti yang sebahagian ramuannya adalah daripada bahan sampingan, iaitu kulit dan biji mangga. Malah, produk itu diperkenalkan di pasaran Korea Selatan. Tak berapa lama kemudian, penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) pula berjaya mencipta teknologi gelombang ultra bunyi yang mampu mengawal pengudaraan tekstur bakeri seperti roti dan kek bagi meningkatkan kualiti produk itu. Teknologi ini boleh menjimatkan kos dengan penggunaan bahan ramuan bagi membantu pengudaraan dalam produk bakeri. Cuma, yang menjadi persoalan utama adalah sejauh mana mereka berjaya mengkomersialkan ciptaan berkenaan. Ke arah itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan dana yang besar dalam membiayai penyelidikan sama ada kepada institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta atau agensi berkaitan sejak beberapa lama, namun produk dan hasil penyelidikan itu setakat ini belum dapat menembusi pasaran dalam atau luar negara secara meluas untuk diiktiraf aspek komersialnya. Berikutan itu, kita percaya matlamat berkenaan adalah sasaran terpenting MOSTI ketika ini berdasarkan kenyataan bahawa ia akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan aspek komersial produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) IPT menerusi peruntukan RM1.5 bilion dalam Bajet 2016.

Sehubungan itu, kita bersetuju dengan perancangan MOSTI untuk memperkemaskan lagi definisi komersial supaya sasaran dapat dicapai, iaitu meningkatkan tambahan sasaran komersial sebanyak 10 peratus membabitkan 360 produk R&D berimpak tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang, sedangkan pencapaian pada masa ini adalah lapan peratus. Jika matlamat itu dicapai, ia tentu sesuai dan kena dengan pengisytiharan tahun depan sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia. Sudah tentu selain memenuhi definisi nilai komersial, satu lagi faktor yang penting ialah produk dan teknologi ciptaan mereka perlu memenuhi kehendak pasaran atau industri. Tiada gunanya penyelidik mencipta sesuatu jika produk atau teknologinya gagal mendapat sambutan. Satu contoh terbaik ialah kejayaan penyelidik China menghasilkan produk herba yang diterima secara meluas di seluruh dunia. Tentunya kejayaan mengkomersialkan produk dan teknologi dapat membantu IPT mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan dan lebih bebas mencatur projek dan penyelidikan sendiri pada masa depan. Di Thailand, misalnya, bantuan kerajaannya kepada IPT negara itu hanya 30 peratus sedangkan di Malaysia adalah 80 hingga 90 peratus. Berdasarkan matlamat itu, kita menaruh harapan lebih banyak produk dan ciptaan penyelidikan tempatan akan berstatus komersial menjelang tahun 2020. Malaysia seharusnya menjadi negara pengeluar teknologi berinovasi dan komersial kerana kita mempunyai golongan penyelidik yang telah membuktikan kemampuan mereka.